

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN (KUALA KRAI)**

**SOALAN NO. 13**

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah pelabur dan pelaburan yang masuk dan keluar selepas Kerajaan Pakatan Harapan memerintah.

**JAWAPAN**

1. Bagi tempoh Mei hingga Disember 2018, setelah Pakatan Harapan menubuhkan Kerajaan, Kementerian melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah meluluskan sejumlah 895 projek dengan pelaburan sebanyak RM80 bilion dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di bawah bidang kuasa MITI/MIDA. Projek-projek ini dijangka akan menjana sebanyak 48,860 peluang pekerjaan. Daripada jumlah ini:

- 515 projek yang diluluskan adalah dalam sektor perkilangan dengan pelaburan bernilai RM71.2 bilion. Pelaburan langsung asing menyumbang sejumlah besar nilai pelaburan iaitu sebanyak RM45.5 bilion (63.9%), sementara RM25.7 bilion (36.1%) merupakan pelaburan tempatan.
- 380 projek pula telah diluluskan dalam sektor perkhidmatan di bawah bidang kuasa MITI/MIDA seperti pertubuhan global, perkhidmatan sokongan, hotel dan pelancongan, penjagaan kesihatan dan lain-lain. Projek-projek ini menyumbang jumlah pelaburan sebanyak RM8.9 bilion, yang meliputi RM5.6 bilion pelaburan asing (62.9%) dan RM3.3 bilion (37.1%) pelaburan tempatan.

2. Bagi tempoh masa yang sama, sebanyak 7 projek yang melibatkan pelaburan langsung asing (FDI) dalam sektor perkilangan dengan nilai

pelaburan berjumlah RM325 juta telah menutup, memberhenti atau memindahkan keluar operasi perkilangan mereka dari Malaysia.

3. Keputusan penutupan syarikat-syarikat ini adalah lebih menjurus kepada keputusan perniagaan dan bukannya kerana faktor peralihan Kerajaan. Antara faktor yang menyebabkan pelabur asing menarik keluar pelaburan mereka dari Malaysia termasuklah:

(i) peningkatan kos buruh di Malaysia di mana sebahagian pelabur asing terutamanya yang membabitkan industri-industri yang berintensifkan buruh bertindak menarik keluar pelaburan mereka di Malaysia;

(ii) penguncupan ekonomi global, ketidaktentuan pasaran berikutan penurunan dalam permintaan dan jualan, peningkatan kos operasi serta ketiadaan permintaan produk menyebabkan para pelabur terpaksa menstruktur semula syarikat serta strategi perniagaan mereka hingga ada yang mengambil keputusan untuk menarik keluar pelaburan mereka di luar negara termasuk di Malaysia; dan

(iii) pendekatan Malaysia yang memberi tumpuan kepada pelaburan-pelaburan berkualiti dan berteknologi tinggi serta peralihan teknologi ke arah digitalisasi dan Industri 4.0 menyebabkan pelabur-pelabur, terutamanya dalam projek berintensifkan buruh tidak dapat menyesuaikan operasi syarikat dengan perubahan-perubahan ini dan seterusnya mengalami kesukaran untuk terus beroperasi dan mengekalkan keuntungan jangka masa panjang sekiranya meneruskan operasi di negara ini.

4. Walaupun berdepan dengan ketidaktentuan pasaran dan ekonomi global, Kerajaan akan terus berusaha untuk melaksanakan langkah-langkah proaktif bagi menarik dan memperkukuhkan kemasukan pelaburan ke dalam negara, terutamanya pelaburan berkualiti tinggi yang dapat merangsang pertumbuhan ekonomi negara dan seterusnya memberi manfaat kepada negara dan rakyat. Sekian, terima kasih.